



STANDARD PRESTASI
PEGAWAI PERKHIDMATAN PENDIDIKAN
Edisi Awal

KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA
2016

Diterbitkan oleh:

Kementerian Pendidikan Malaysia

Blok E8, Kompleks E

Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan

62604 Putrajaya, Malaysia

Tel: 03-8884 1144

Faks: 03-8889 3507

www.moe.gov.my

Hakcipta

© Bahagian Pendidikan Guru

Kementerian Pendidikan Malaysia

Sebarang kandungan tidak boleh diubah, disalin, diedar, dihantar semula, disiarkan, dipamerkan, diterbitkan, dipindah, dijual atau diuruskan dalam cara yang boleh dipergunakan lagi atau dipindahkan dalam apa jua bentuk sekalipun tanpa mendapat kebenaran secara bertulis yang jelas terlebih dahulu daripada pihak penerbit Kementerian Pendidikan Malaysia.

Sebarang pertanyaan berkenaan atau maklum balas terhadap dokumen ini hendaklah diajukan kepada:

Pengarah

Bahagian Pendidikan Guru

Kementerian Pendidikan Malaysia

Aras 2-6, Blok E13, Kompleks E

Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan

62604 Putrajaya, Malaysia

Tel: 03-8884 1076

Faks: 03-8884 1081

www.moe.gov.my

Cetakan Pertama 2016 (Disember)

PENASIHAT

Dato' Haji Mahmud bin Karim
Pengarah
Bahagian Pendidikan Guru

SIDANG EDITOR & TASK FORCE

INISIATIF #10 PELAKSANAAN PIAGAM GURU: STANDARD PRESTASI PEGAWAI PERKHIDMATAN PENDIDIKAN

Muhammad Zaini bin Mohd Zain, Ph.D.
Bahagian Pendidikan Guru

Shaharudin bin Said
Bahagian Pendidikan Guru

Mohammad Nuri bin Hussin
Bahagian Pendidikan Guru

Aziela binti Shaarani
Bahagian Pendidikan Guru

Siti Yusnidar binti Mohamed Junus
Bahagian Pendidikan Guru

Mohd Arisham bin Jusof
Bahagian Pendidikan Guru

Norihan binti Azizan
Institut Aminuddin Baki

Ahmad Salihin bin Mat Saat
Institut Aminuddin Baki

Ibrahim bin Mohamed Zin, Ph.D.
Bahagian Pembangunan dan Penilaian Kompetensi

Azhar bin A. Kadir
Pejabat Pendidikan Daerah Hulu Langat

Faridah binti Lani
Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan

Ahamad bin Hussin, Ph.D.
Institut Aminuddin Baki

Ai'iri bin Abu Bakar
Jemaah Nazir dan Jaminan Kualiti

Mohd Asri bin Mat Husin
Pejabat Pendidikan Daerah Petaling Utama

Hasreena binti Abdul Rahman
English Language Teaching Centre

KANDUNGAN

BAB	TAJUK	MUKA SURAT
	Glosari & Singkatan	6
1	Pengenalan	10
2	Standard Prestasi	12
3	Standard Prestasi Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Laluan Pengajaran dan Pembelajaran	17
4	Standard Prestasi Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Laluan Kepimpinan	33
5	Standard Prestasi Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Laluan Kepakaran Pendidikan	65
6	Rujukan	81

GLOSARI & SINGKATAN

GLOSARI

1. Deskripsi tugas

Penyataan bertulis yang menerangkan tugas dan tanggungjawab berdasarkan bidang keberhasilan utama jawatan yang disandang oleh PPP mengikut gred

2. Dokumen standard kurikulum

Instrumen yang mengandungi standard kandungan (penyataan spesifik tentang perkara yang murid patut ketahui dan boleh lakukan dalam suatu tempoh persekolahan merangkumi aspek pengetahuan, kemahiran dan nilai) dan standard pembelajaran (satu penetapan kriteria atau

petunjuk (indicator) kualiti pembelajaran dan pencapaian yang boleh diukur bagi setiap standard kandungan) yang perlu dicapai oleh murid/pelajar dalam suatu tempoh dan tahap persekolahan/ pembelajaran

3. Kompetensi

Pengetahuan, kemahiran dan ciri-ciri peribadi yang perlu bagi melaksanakan sesuatu tugas dan tanggungjawab dalam deskripsi tugas bagi jawatan yang disandang

4. Kurikulum kebangsaan

Suatu program pendidikan yang termasuk kurikulum dan kegiatan kokurikulum yang merangkumi semua pengetahuan, kemahiran, norma, nilai, unsur kebudayaan dan kepercayaan untuk membantu perkembangan seseorang murid/pelajar dengan sepenuhnya dari segi jasmani, rohani, mental dan emosi serta untuk menanam dan mempertingkatkan nilai moral yang diingini dan untuk menyampaikan pengetahuan

5. Laluan kerjaya baharu

Merujuk kepada tiga laluan kerjaya PPP iaitu Laluan PdP, Kepimpinan dan Kepakaran Pendidikan

6. Laluan Kepakaran Pendidikan

Laluan kerjaya bagi PPP yang berpengalaman luas dalam bidang kepakaran khusus pendidikan dan membuktikan kecemerlangan keberhasilan yang diperakui oleh organisasi

7. Laluan Kepimpinan

Laluan kerjaya dalam bidang pengurusan dan pentadbiran pendidikan bagi PPP yang memegang jawatan hakiki kepimpinan di Bahagian, JPN, PPD, sekolah dan institusi pendidikan

8. Laluan Pengajaran dan Pembelajaran

Laluan kerjaya untuk PPP bermula dari Gred DG41 sebagai guru akademik, jurulatih sukan, jurulatih seni, dan Guru Bimbingan dan Kaunseling sepenuh masa yang ingin terus melaksanakan tugas dalam PdP di sekolah/institusi pendidikan atau institusi latihan

9. Pentaksiran formatif

Pentaksiran yang dilakukan secara berterusan untuk memantau prestasi pembelajaran

10. Pentaksiran sumatif

Pentaksiran yang berlaku pada akhir sesuatu unit pembelajaran bagi menggredkan pencapaian murid/pelajar

11. Penulisan ilmiah

Suatu karangan ilmu pengetahuan berdasarkan fakta dan ditulis menurut metodologi penulisan bagi tujuan mempersembahkan sesuatu idea/konsep/kandungan seperti kajian, tesis, disertasi, kertas kerja, laporan tahunan, buletin, jurnal, prosiding, modul, buku, majalah atau makalah

12. Perkongsian pintar

Suatu gabungan strategik yang membawa faedah sinergi kepada semua pihak yang terlibat

13. Prestasi

Perlakuan dan pencapaian kerja pegawai dalam tempoh masa tertentu bagi mempertingkatkan kualiti dan produktiviti jabatan

14. Standard

Penanda aras tahap pencapaian yang ditetapkan oleh organisasi

SINGKATAN

KPM	Kementerian Pendidikan Malaysia
PBPPP	Penilaian Bersepadu Pegawai Perkhidmatan Pendidikan
PdP	Pengajaran dan Pembelajaran
PPP	Pegawai Perkhidmatan Pendidikan
PPPM	Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia
PYD	Pegawai Yang Dinilai

1 PENGENALAN

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) membangunkan laluan kerjaya baharu yang lebih berstruktur dan dapat menyokong laluan pantas berdasarkan kompetensi dan prestasi. Pelaksanaan laluan kerjaya ditingkatkan melalui tawaran pengkhususan berbeza bergantung pada minat Pegawai Perkhidmatan Pendidikan (PPP) serta kemajuan kerjaya PPP berprestasi tinggi.

Tiga laluan kerjaya baharu adalah

(i) Laluan Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) untuk PPP yang ingin terus memberikan tumpuan kepada pengajaran;

(ii) Laluan Kepimpinan untuk PPP yang ingin memegang jawatan pemimpin sama ada pada peringkat sekolah/institusi pendidikan, Pejabat Pendidikan Daerah, Jabatan Pendidikan Negeri atau Kementerian; dan

(iii) Laluan Kepakaran Pendidikan untuk PPP yang ingin menjadi pakar dalam bidang kejurulatihan, pentaksiran, pembangunan kurikulum dan polisi, serta kaunseling.

Selaras dengan laluan kerjaya baharu, KPM membangunkan Standard Prestasi sebagai garis panduan kepada PPP dan asas pembinaan instrumen Penilaian Bersepadu Pegawai Perkhidmatan Pendidikan (PBPPP) untuk menilai prestasi PPP. Standard Prestasi ini berdasarkan kajian literatur yang komprehensif tentang standard prestasi guru, pemimpin serta pakar pendidikan dalam dan luar negara.

2 STANDARD PRESTASI

Standard prestasi merupakan dokumen piawaian yang komprehensif berkaitan kompetensi teras dan profesional serta keberhasilan yang perlu dicapai oleh PPP berdasarkan deskripsi tugas yang ditetapkan. Piawaian yang ditetapkan ini merupakan panduan untuk mengukur tahap prestasi kerja yang perlu dicapai oleh PPP mengikut sasaran kerja tahunan. Standard prestasi membantu Pegawai Penilai dan Pegawai Yang Dinilai (PYD) mengenal pasti tahap pencapaian yang boleh diukur, bermakna, munasabah dan boleh dicapai bagi meningkatkan kompetensi. Standard ini juga dapat memandu Pegawai Penilai dalam membuat penilaian prestasi secara objektif, adil, dan telus.

Tujuan

1. Panduan oleh PPP untuk mencapai dan membuat penilaian prestasi serta sasaran kerja yang jelas dan khusus bagi memenuhi matlamat organisasi;
2. Panduan dalam menghasilkan instrumen penilaian untuk mengukur pencapaian prestasi PPP;
3. Panduan kepada pegawai penilai dalam melaksanakan penilaian prestasi PPP secara objektif, adil, dan telus; dan
4. Panduan kepada PPP untuk merancang peningkatan sendiri serta pembangunan profesionalisme secara berterusan untuk memenuhi keperluan laluan kerjaya.

Definisi

Standard Prestasi ialah suatu set kriteria umum yang menunjukkan tahap prestasi yang perlu PPP pameran sebagai tanda bahawa sesuatu tugas dan tanggungjawab telah dilaksanakan.

Komponen

Standard Prestasi mengandungi empat komponen iaitu domain, pernyataan domain, elemen dan petunjuk prestasi seperti dalam Jadual 1.

Jadual 1: Komponen Standard Prestasi

Ruang liputan bidang tugas yang perlu dicapai untuk tahap prestasi kerja

Unsur atau aspek dalam domain

STANDARD PRESTASI			
DOMAIN	PENYATAAN DOMAIN	ELEMEN	PETUNJUK PRESTASI
		1.1	1.1.1
			1.1.2
		1.2	1.2.1

Menjelaskan domain berkaitan matlamat dan kualiti yang diperlukan untuk tahap prestasi kerja

Keterangan pengukuran elemen yang digunakan dalam menentukan tahap kualiti yang perlu dicapai

Standard Prestasi bagi ketiga-tiga laluan kerjaya baharu PPP mempunyai enam domain umum iaitu pengetahuan profesional, kemahiran profesional, nilai profesional, kreativiti dan inovasi, permuafakatan strategik, dan komunikasi. Selain daripada itu, Standard Prestasi bagi setiap laluan kerjaya mempunyai tambahan domain khusus mengikut laluan kerjaya masing-masing seperti dalam Jadual 2. Walau bagaimanapun, elemen dan petunjuk prestasi bagi setiap domain adalah spesifik kepada laluan kerjaya masing-masing.

Jadual 2: Domain Standard Prestasi Pegawai Perkhidmatan Pendidikan

DOMAIN	LALUAN KERJAYA PEGAWAI PERKHIDMATAN PENDIDIKAN		
	PdP	KEPIMPINAN	KEPAKARAN PENDIDIKAN
Domain 1: Pengetahuan Profesional	✓	✓	✓
Domain 2: Kemahiran Profesional	✓	✓	✓
Domain 3: Nilai Profesional	✓	✓	✓
Domain 4: Kreativiti dan Inovasi	✓	✓	✓
Domain 5: Permuafakatan Strategik	✓	✓	✓
Domain 6: Komunikasi	✓	✓	✓
Domain 7	Pengurusan Kelas/Aktiviti/Program	Hala Tuju Pendidikan	Pakar Rujuk Dalam Bidang Pengkhususan
Domain 8	Pengurusan Sumber Pendidikan	Kepimpinan Instruksional	Kajian/Penyelidikan/ Penulisan Ilmiah
Domain 9		Pembelajaran Profesional	

**STANDARD PRESTASI
PEGAWAI PERKHIDMATAN PENDIDIKAN
LALUAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN**

3 STANDARD PRESTASI PEGAWAI PERKHIDMATAN PENDIDIKAN LALUAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN

GURU/PENSYARAH			
DOMAIN	PENYATAAN DOMAIN	ELEMEN	PETUNJUK PRESTASI
D1 PENGETAHUAN PROFESIONAL	Guru/Pensyarah meningkatkan pengetahuan terkini dan secara berterusan berkaitan mata pelajaran/kursus	1.1 Peningkatan pengetahuan dalam mata pelajaran/kursus	1.1.1 Meningkatkan pengetahuan dengan meluas dan terkini dalam mata pelajaran/kursus selaras dengan dokumen standard kurikulum
		1.2 Peningkatan pengetahuan dalam pedagogi/ andragogi mata pelajaran/kursus	1.2.1 Meningkatkan pengetahuan terhadap strategi, pendekatan, kaedah dan teknik pengajaran dan pembelajaran yang tepat dan berkesan

GURU/PENSYARAH			
DOMAIN	PENYATAAN DOMAIN	ELEMEN	PETUNJUK PRESTASI
D2 KEMAHIRAN PROFESIONAL	Guru/Pensyarah merancang, menyediakan dan melaksanakan pengajaran/sesi latihan secara sistematik serta membuat pentaksiran secara berterusan	2.1 Penyediaan rancangan pengajaran/ sesi latihan	2.1.1 Menyediakan rancangan pengajaran tahunan/ semester/sesi latihan yang mengandungi elemen-elemen pengajaran dan pembelajaran/latihan yang tepat berdasarkan dokumen standard kurikulum/modul latihan
			2.1.2 Menyediakan rancangan pengajaran harian/ mingguan/sesi latihan secara konsisten dan tepat dengan rancangan pengajaran tahunan/ modul latihan

GURU/PENSYARAH			
DOMAIN	PENYATAAN DOMAIN	ELEMEN	PETUNJUK PRESTASI
			2.1.3 Merancang strategi, pendekatan, kaedah serta teknik pengajaran dan pembelajaran yang sesuai dengan kandungan mata pelajaran/kursus/ modul latihan
		2.2 Pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran	2.2.1 Mengaplikasikan pedagogi/ andragogi yang sesuai dengan objektif mata pelajaran/ sesi latihan/ hasil pembelajaran
			2.2.2 Menggunakan pelbagai teknik penyilaian untuk mencetuskan kemahiran berfikir aras tinggi

GURU/PENSYARAH			
DOMAIN	PENYATAAN DOMAIN	ELEMEN	PETUNJUK PRESTASI
			2.2.3 Melibatkan murid/pelajar/ peserta secara aktif dalam proses pembelajaran
			2.2.4 Memastikan penguasaan pembelajaran murid/pelajar/ peserta selaras dengan objektif pengajaran dan pembelajaran/ latihan
			2.2.5 Memastikan murid/ pelajar/peserta menghasilkan tugas secara konsisten bagi mengukuhkan pemahaman isi kandungan mata pelajaran/sesi latihan/ hasil pembelajaran

GURU/PENSYARAH			
DOMAIN	PENYATAAN DOMAIN	ELEMEN	PETUNJUK PRESTASI
		2.3 Perancangan dan pelaksanaan pentaksiran	<p>2.3.1 Merancang pentaksiran yang berupaya mengukur pencapaian objektif pengajaran dan pembelajaran/objektif perlakuan dengan tepat</p> <p>2.3.2 Menggunakan pelbagai kaedah dalam pentaksiran formatif yang bersesuaian sebagai pengukur pencapaian objektif topik pengajaran/ kursus</p>

GURU/PENSYARAH			
DOMAIN	PENYATAAN DOMAIN	ELEMEN	PETUNJUK PRESTASI
			<p>2.3.3 Menggunakan pelbagai kaedah dalam pentaksiran sumatif sebagai pengukur tahap penguasaan/ kefahaman murid/pelajar/peserta dalam mata pelajaran/kursus</p>
			<p>2.3.4 Menggunakan hasil pentaksiran bagi penambahbaikan pengajaran dan pembelajaran/latihan secara berterusan</p>

GURU/PENSYARAH			
DOMAIN	PENYATAAN DOMAIN	ELEMEN	PETUNJUK PRESTASI
D3 NILAI PROFESIONAL	Guru/Pensyarah mengamalkan etika kerja dan nilai profesionalisme secara berkesan	3.1 Etika kerja dan nilai profesionalisme	3.1.1 Mengamalkan etika kerja dalam profesion keguruan secara berterusan
			3.1.2 Mengamalkan nilai profesionalisme keguruan secara berterusan
			3.1.3 Menunjukkan iltizam membangunkan sahsiah diri dalam meningkatkan profesionalisme keguruan

GURU/PENSYARAH			
DOMAIN	PENYATAAN DOMAIN	ELEMEN	PETUNJUK PRESTASI
D4 KREATIVITI DAN INOVASI	Guru/Pensyarah melaksanakan kreativiti/inovasi ke arah peningkatan kualiti pengajaran dan pembelajaran	4.1 Kreativiti/Inovasi dalam pengajaran dan pembelajaran	4.1.1 Mencipta unsur kreativiti/inovasi yang menambah baik keadaan sedia ada dalam pengajaran dan pembelajaran
			4.1.2 Mengaplikasikan kreativiti/inovasi untuk meningkatkan kualiti pengajaran dan pembelajaran

GURU/PENSYARAH			
DOMAIN	PENYATAAN DOMAIN	ELEMEN	PETUNJUK PRESTASI
D5 PERMUAFAKATAN STRATEGIK	Guru/Pensyarah membina jaringan dan jalinan dengan rakan sejawat, ibu bapa dan komuniti dalam/luar bidang pendidikan untuk meningkatkan kualiti pendidikan	5.1 Jaringan dan jalinan	5.1.1 Mewujudkan usaha kolaboratif dengan rakan sejawat dalam/luar organisasi bagi aktiviti untuk meningkatkan kualiti pendidikan
			5.1.2 Membina perkongsian pintar dengan ibu bapa dan komuniti dalam/luar bidang pendidikan untuk meningkatkan kualiti pendidikan

GURU/PENSYARAH			
DOMAIN	PENYATAAN DOMAIN	ELEMEN	PETUNJUK PRESTASI
D6 KOMUNIKASI	Guru/Pensyarah berkomunikasi dengan berkesan untuk memudahkan pemahaman dan menggalakkan pembelajaran	6.1 Komunikasi berkesan	6.1.1 Berkomunikasi dengan bahasa yang betul, jelas dan mudah difahami dengan intonasi yang sesuai terhadap khalayak sasaran
			6.1.2 Menerima, memahami dan memberi maklum balas halangan komunikasi secara positif bagi menggalakkan pembelajaran
			6.1.3 Mengamalkan komunikasi pelbagai hala yang berkesan bagi menggalakkan pembelajaran

GURU/PENSYARAH			
DOMAIN	PENYATAAN DOMAIN	ELEMEN	PETUNJUK PRESTASI
			6.1.4 Menggunakan pelbagai kaedah komunikasi untuk meningkatkan keberkesanan pengajaran dan pembelajaran
		6.2 Penerapan nilai murni dalam komunikasi	6.2.1 Menerapkan nilai murni dalam komunikasi secara berterusan untuk menggalakkan pembelajaran

GURU/PENSYARAH			
DOMAIN	PENYATAAN DOMAIN	ELEMEN	PETUNJUK PRESTASI
D7 PENGURUSAN KELAS/AKTIVITI / PROGRAM	Guru/Pensyarah mewujudkan persekitaran yang kondusif untuk keberkesanan pengajaran dan pembelajaran	7.1 Pengurusan kelas	7.1.1 Mewujudkan suasana kondusif, selamat dan terkawal untuk meningkatkan keberkesanan pengajaran dan pembelajaran
			7.1.2 Menyusun atur kedudukan murid/pelajar/peserta sesuai dengan aktiviti yang dilaksanakan

GURU/PENSYARAH			
DOMAIN	PENYATAAN DOMAIN	ELEMEN	PETUNJUK PRESTASI
		7.2 Pengurusan perlakuan dan emosi	7.2.1 Mengurus perlakuan dan emosi murid/pelajar/peserta dengan penegasan kepada pematuhan peraturan
			7.2.2 Mengurus aktiviti/program dan masa secara berkesan untuk meningkatkan perkembangan emosi murid/ pelajar/peserta
			7.2.3 Memotivasikan murid/pelajar/ peserta dengan memberikan galakan/ganjaran/pujian/peneguhan secara berterusan

GURU/PENSYARAH			
DOMAIN	PENYATAAN DOMAIN	ELEMEN	PETUNJUK PRESTASI
D8 PENGURUSAN SUMBER PENDIDIKAN	Guru/Pensyarah mengurus dan menggunakan sumber pendidikan berbentuk digital dan bukan digital secara berkesan dan interaktif bagi mengukuhkan pembelajaran	8.1 Pengaplikasian sumber pendidikan	8.1.1 Merancang dan menyediakan sumber pendidikan yang sesuai dengan objektif dan tajuk mata pelajaran/ kursus
			8.1.2 Menggunakan pelbagai sumber pendidikan secara interaktif untuk meningkatkan keberkesanan pengajaran dan pembelajaran
			8.1.3 Berkongsi kemahiran menggunakan sumber pendidikan secara berterusan

GURU/PENSYARAH			
DOMAIN	PENYATAAN DOMAIN	ELEMEN	PETUNJUK PRESTASI
			8.1.4 Membudayakan pengaplikasian pelbagai sumber pendidikan

**STANDARD PRESTASI
PEGAWAI PERKHIDMATAN PENDIDIKAN
LALUAN KEPIMPINAN**

4 STANDARD PRESTASI PEGAWAI PERKHIDMATAN PENDIDIKAN LALUAN KEPIMPINAN

PEMIMPIN PENDIDIKAN			
DOMAIN	PENYATAAN DOMAIN	ELEMEN	PETUNJUK PRESTASI
D1 PENGETAHUAN PROFESIONAL	Pemimpin pendidikan berpengetahuan luas dalam menerajui kepimpinan, pengurusan dan pembangunan profesionalisme	1.1 Pengetahuan dalam kepimpinan dan pengurusan	1.1.1 Meningkatkan pengetahuan kepimpinan dan pengurusan secara meluas dan berterusan
			1.1.2 Menterjemah dan mengaplikasikan pengetahuan profesional dengan tepat dan jelas untuk mencapai matlamat organisasi

PEMIMPIN PENDIDIKAN			
DOMAIN	PENYATAAN DOMAIN	ELEMEN	PETUNJUK PRESTASI
		1.2 Pembangunan profesionalisme berterusan	<p>1.2.1 Merancang keperluan dan strategi bagi pembangunan profesionalisme berterusan sendiri secara sistematik</p> <p>1.2.2 Mengamalkan pembangunan profesionalisme berterusan sendiri secara konsisten bagi peningkatan ilmu mengikut keperluan organisasi</p>

PEMIMPIN PENDIDIKAN			
DOMAIN	PENYATAAN DOMAIN	ELEMEN	PETUNJUK PRESTASI
D2 KEMAHIRAN PROFESIONAL	Pemimpin pendidikan mengurus sumber dan operasi organisasi secara mapan dan telus serta menerajui pengurusan perubahan secara konsisten	2.1 Pengurusan sumber manusia	2.1.1 Mengenal pasti potensi sumber manusia untuk mengagihkan tugas secara seimbang berdasarkan keperluan organisasi
			2.1.2 Menganalisis keperluan dan merancang latihan sumber manusia secara sistematik bagi memenuhi keperluan pembangunan organisasi dan potensi individu

PEMIMPIN PENDIDIKAN			
DOMAIN	PENYATAAN DOMAIN	ELEMEN	PETUNJUK PRESTASI
			<p>2.1.3 Membangunkan potensi sumber manusia melalui latihan secara terancang untuk meningkatkan kualiti kerja, memberi kepuasan dan keseronokan bekerja</p>
			<p>2.1.4 Mengenal pasti dan mengupaya potensi sumber manusia secara terancang untuk laluan kerjaya dan pelan penggantian (sucession plan)</p>

PEMIMPIN PENDIDIKAN			
DOMAIN	PENYATAAN DOMAIN	ELEMEN	PETUNJUK PRESTASI
			2.1.5 Mengawal selia secara sistematik dan menilai prestasi kerja secara adil dan telus
			2.1.6 Membimbing warga organisasi secara terancang dan berterusan
		2.2 Pengurusan prasarana	2.2.1 Merancang pembangunan fizikal secara sistematik mengikut keperluan, kesesuaian dan peraturan untuk keselesaan dan keselamatan

PEMIMPIN PENDIDIKAN			
DOMAIN	PENYATAAN DOMAIN	ELEMEN	PETUNJUK PRESTASI
			2.2.2 Mengawal selia persekitaran dan prasarana secara terancang agar kondusif dan selamat
			2.2.3 Mengawal selia penyenggaraan aset secara konsisten dan efektif agar sentiasa berfungsi dan dapat digunakan secara optimum
			2.2.4 Mengurus sumber pendidikan dan sumber digital secara berkesan untuk menyokong peningkatan kualiti organisasi

PEMIMPIN PENDIDIKAN			
DOMAIN	PENYATAAN DOMAIN	ELEMEN	PETUNJUK PRESTASI
			2.2.5 Mengurus data dan maklumat pendidikan secara sistematik agar mudah diakses dan digunakan untuk meningkatkan kualiti organisasi
		2.3 Pengurusan kewangan	2.3.1 Merancang anggaran perbelanjaan organisasi secara telus, tepat dan teratur bagi memastikan pulangan yang optimum

PEMIMPIN PENDIDIKAN			
DOMAIN	PENYATAAN DOMAIN	ELEMEN	PETUNJUK PRESTASI
			2.3.2 Mengurus kewangan dan perbelanjaan organisasi secara telus dan berhemat dengan mematuhi peraturan kewangan yang berkuatkuasa
			2.3.3 Memantau, menilai, melaporkan dan membuat penambahbaikan prestasi pengurusan kewangan secara berterusan

PEMIMPIN PENDIDIKAN			
DOMAIN	PENYATAAN DOMAIN	ELEMEN	PETUNJUK PRESTASI
		2.4 Pengurusan perubahan	2.4.1 Mengaplikasikan model pengurusan perubahan yang sesuai ke arah kecemerlangan organisasi
			2.4.2 Melaksanakan perubahan terkini dalam pendidikan secara realistik, proaktif dan dinamik untuk pembangunan organisasi

PEMIMPIN PENDIDIKAN			
DOMAIN	PENYATAAN DOMAIN	ELEMEN	PETUNJUK PRESTASI
			<p>2.4.3 Memotivasi dan menggerakkan warga organisasi secara efektif serta memperoleh sokongan padu pemegang taruh/komuniti ke arah melaksanakan perubahan</p>
			<p>2.4.4 Menerajui pengurusan perubahan ke arah peningkatan kualiti organisasi secara kreatif dan inovatif</p>

PEMIMPIN PENDIDIKAN			
DOMAIN	PENYATAAN DOMAIN	ELEMEN	PETUNJUK PRESTASI
		2.5 Pengurusan risiko	<p>2.5.1 Mengenal pasti risiko yang dijangka semasa merancang pelaksanaan pengurusan organisasi</p> <p>2.5.2 Menangani risiko secara efektif dan berhemah bagi memastikan pelaksanaan terbaik pengurusan organisasi</p> <p>2.5.3 Menilai dan menganalisis prestasi diri, individu lain, organisasi sendiri atau organisasi lain untuk merancang intervensi dan penambahbaikan</p>

PEMIMPIN PENDIDIKAN			
DOMAIN	PENYATAAN DOMAIN	ELEMEN	PETUNJUK PRESTASI
			2.5.4 Melaksanakan intervensi mengikut keperluan untuk tindakan penambahbaikan bagi meningkatkan pencapaian organisasi

PEMIMPIN PENDIDIKAN			
DOMAIN	PENYATAAN DOMAIN	ELEMEN	PETUNJUK PRESTASI
D3 NILAI PROFESIONAL	Pemimpin pendidikan mendokong etika kerja, nilai profesionalisme, ekuiti, akauntabiliti dan integriti dalam kepimpinan organisasi secara berkesan	3.1 Etika kerja dan nilai profesionalisme	3.1.1 Menterjemah dengan tepat dan jelas etika kerja sebagai asas dalam kepimpinan dan pengurusan organisasi
			3.1.2 Mengamal dan memberi galakan pembudayaan etika kerja dan nilai-nilai profesionalisme secara berterusan dalam kepimpinan dan pengurusan organisasi

PEMIMPIN PENDIDIKAN			
DOMAIN	PENYATAAN DOMAIN	ELEMEN	PETUNJUK PRESTASI
		3.2 Pegangan kepada prinsip ekuiti, akauntabiliti dan integriti	3.2.1 Mempamerkan kewibawaan, integriti dan sikap profesional secara berterusan dalam melaksanakan tugas
			3.2.2 Membuat keputusan dan menyelesaikan masalah dengan adil, asertif, telus, cepat dan tepat
			3.2.3 Mengamalkan akauntabiliti yang tinggi terhadap tugas

PEMIMPIN PENDIDIKAN

DOMAIN	PENYATAAN DOMAIN	ELEMEN	PETUNJUK PRESTASI
D4 KREATIVITI DAN INOVASI	Pemimpin pendidikan menerajui kreativiti/inovasi ke arah peningkatan pencapaian organisasi	4.1 Kreativiti/inovasi dalam kepimpinan dan pengurusan	4.1.1 Menerajui kreativiti/inovasi dalam kepimpinan dan pengurusan ke arah peningkatan kualiti organisasi
			4.1.2 Mengoptimumkan penggunaan teknologi terkini secara kreatif/inovatif dalam kepimpinan dan pengurusan
			4.1.3 Membudayakan kreativiti/inovasi dalam pengurusan organisasi secara konsisten

PEMIMPIN PENDIDIKAN			
DOMAIN	PENYATAAN DOMAIN	ELEMEN	PETUNJUK PRESTASI
D5 PERMUAFAKATAN STRATEGIK	Pemimpin pendidikan menerajui jaringan dan jalinan secara meluas ke arah peningkatan kualiti pendidikan	5.1 Jaringan dan jalinan	5.1.1 Merancang jaringan dan jalinan dengan ibu bapa, komuniti serta agensi dalam dan luar KPM secara sistematik
			5.1.2 Membina hubungan kolaboratif dengan pelbagai pihak secara berterusan bagi meningkatkan kualiti organisasi
			5.1.3 Melestarikan perkongsian pintar untuk memantapkan organisasi

PEMIMPIN PENDIDIKAN			
DOMAIN	PENYATAAN DOMAIN	ELEMEN	PETUNJUK PRESTASI
D6 KOMUNIKASI	Pemimpin pendidikan menerajui pengurusan komunikasi secara berkesan ke arah pencapaian matlamat organisasi	6.1 Pengurusan komunikasi	6.1.1 Mengurus penyebaran maklumat secara meluas dan berkesan ke arah pencapaian matlamat organisasi
			6.1.2 Mengurus penyampaian idea, maklumat dan arahan melalui pelbagai saluran komunikasi secara interaktif
			6.1.3 Menilai pengurusan komunikasi dan mengambil tindakan penambahbaikan secara konsisten untuk meningkatkan kecekapan

PEMIMPIN PENDIDIKAN			
DOMAIN	PENYATAAN DOMAIN	ELEMEN	PETUNJUK PRESTASI
			penyampaian maklumat
D7 HALA TUJU PENDIDIKAN	Pemimpin pendidikan menerajui pelaksanaan hala tuju organisasi ke arah mencapai visi dan misi organisasi serta membuat penambahbaikan berterusan	7.1 Visi dan misi organisasi	7.1.1 Menterjemahkan visi dan misi yang ditetapkan dengan jelas sebagai hala tuju organisasi
			7.1.2 Menyebar luas visi dan misi organisasi secara komprehensif dan berkesan

PEMIMPIN PENDIDIKAN			
DOMAIN	PENYATAAN DOMAIN	ELEMEN	PETUNJUK PRESTASI
			<p>7.1.3 Merancang strategi pelaksanaan program/projek secara berkualiti dan terarah berdasarkan konteks organisasi untuk mencapai visi dan misi yang ditetapkan</p>
			<p>7.1.4 Menerajui pelaksanaan program/projek secara sistematik untuk mencapai visi dan misi yang ditetapkan</p>

PEMIMPIN PENDIDIKAN			
DOMAIN	PENYATAAN DOMAIN	ELEMEN	PETUNJUK PRESTASI
		7.2 Pencapaian hala tuju organisasi	7.2.1 Menyelia dan memantau pelaksanaan program/projek secara sistematik dan berterusan
			7.2.2 Menilai pelaksanaan program/projek secara berkesan ke arah pencapaian hala tuju organisasi yang ditetapkan dan dicapai

PEMIMPIN PENDIDIKAN			
DOMAIN	PENYATAAN DOMAIN	ELEMEN	PETUNJUK PRESTASI
			<p>7.2.3 Mengenal pasti dan mengedepankan kekangan dan keperluan dengan jelas untuk mencapai hala tuju organisasi bagi tujuan penambahbaikan</p>
			<p>7.2.4 Menyemak semula perancangan program/projek secara komprehensif bagi penambahbaikan berterusan dalam mencapai hala tuju organisasi</p>

PEMIMPIN PENDIDIKAN			
DOMAIN	PENYATAAN DOMAIN	ELEMEN	PETUNJUK PRESTASI
			7.2.5 Melaksanakan penambahbaikan program/projek secara berterusan berdasarkan hasil penilaian
			7.2.6 Mengenal pasti keberkesanan/impak program/projek ke arah pencapaian hala tuju organisasi yang ditetapkan

PEMIMPIN PENDIDIKAN

DOMAIN	PENYATAAN DOMAIN	ELEMEN	PETUNJUK PRESTASI
D8 KEPIMPINAN INSTRUKSIONAL	Pemimpin pendidikan menerajui perancangan, pembangunan, pelaksanaan, penyeliaan, pemantauan dan perkongsian amalan terbaik berkaitan pengajaran dan pembelajaran secara berkesan untuk peningkatan pencapaian organisasi serta keberhasilan murid	8.1 Perancangan dan pembangunan pengajaran dan pembelajaran	8.1.1 Menentukan matlamat dan ketetapan dengan jelas, tepat dan berfokus tentang pelaksanaan kurikulum kebangsaan
			8.1.2 Merancang strategi yang jelas dan tepat bagi meningkatkan tahap pencapaian standard pengajaran dan pembelajaran

PEMIMPIN PENDIDIKAN			
DOMAIN	PENYATAAN DOMAIN	ELEMEN	PETUNJUK PRESTASI
			8.1.3 Membangunkan program/projek yang bertujuan untuk meningkatkan kualiti pengajaran dan pembelajaran secara berterusan
		8.2 Penyeliaan dan pemantauan pengajaran dan pembelajaran	8.2.1 Menyelia tugas, hasil kerja dan pencapaian organisasi secara sistematik dan berterusan

PEMIMPIN PENDIDIKAN			
DOMAIN	PENYATAAN DOMAIN	ELEMEN	PETUNJUK PRESTASI
			<p>8.2.2 Memberi maklum balas secara konstruktif dan berkesan untuk meningkatkan kualiti pengajaran dan pembelajaran</p>
			<p>8.2.3 Memberi bimbingan profesional secara berterusan mengikut bidang tugas untuk meningkatkan kualiti pengajaran dan pembelajaran</p>

PEMIMPIN PENDIDIKAN			
DOMAIN	PENYATAAN DOMAIN	ELEMEN	PETUNJUK PRESTASI
		8.3 Pelestarian amalan terbaik pengajaran dan pembelajaran	8.3.1 Mengenal pasti amalan terbaik pengajaran dan pembelajaran dalam organisasi secara berterusan
			8.3.2 Melaksanakan perkongsian amalan terbaik berkaitan pengajaran dan pembelajaran secara berterusan

PEMIMPIN PENDIDIKAN

DOMAIN	PENYATAAN DOMAIN	ELEMEN	PETUNJUK PRESTASI
			8.3.3 Memantapkan amalan terbaik secara konsisten melalui penggunaan pelbagai pendekatan, dapatan kajian dan teknologi terkini bagi menyokong pengajaran dan pembelajaran
			8.3.4 Membudayakan perkongsian amalan terbaik pengajaran dan pembelajaran dalam organisasi

PEMIMPIN PENDIDIKAN			
DOMAIN	PENYATAAN DOMAIN	ELEMEN	PETUNJUK PRESTASI
D9 PEMBELAJARAN PROFESIONAL	Pemimpin pendidikan menerajui dan berkongsi amalan terbaik pembelajaran profesional secara terancang dan berterusan	9.1 Pemangkin pembelajaran profesional	9.1.1 Berkongsi amalan terbaik secara berterusan dengan warga organisasi untuk peningkatan kualiti kerja
			9.1.2 Memberi galakan amalan perkongsian ilmu pengetahuan dengan pihak berkepentingan secara berterusan untuk penambahbaikan kualiti kerja

PEMIMPIN PENDIDIKAN			
DOMAIN	PENYATAAN DOMAIN	ELEMEN	PETUNJUK PRESTASI
			9.1.3 Mewujudkan perkongsian pintar dalam dan luar organisasi secara berterusan
		9.2 Peneraju pembangunan profesionalisme	9.2.1 Mengenal pasti keperluan dan strategi bagi membangun serta melaksanakan program pembangunan profesionalisme secara terancang dan berterusan

PEMIMPIN PENDIDIKAN			
DOMAIN	PENYATAAN DOMAIN	ELEMEN	PETUNJUK PRESTASI
			<p>9.2.2 Memberi galakan dan membudayakan pembangunan profesionalisme secara berterusan yang berfokuskan keperluan organisasi</p>
			<p>9.2.3 Menyelia dan menilai pelaksanaan serta impak program pembangunan profesionalisme secara berkala</p>

PEMIMPIN PENDIDIKAN			
DOMAIN	PENYATAAN DOMAIN	ELEMEN	PETUNJUK PRESTASI
			9.2.4 Memberi sokongan dan intervensi untuk peningkatan sendiri dan organisasi secara berterusan

**STANDARD PRESTASI
PEGAWAI PERKHIDMATAN PENDIDIKAN
LALUAN KEPAKARAN PENDIDIKAN**

5 STANDARD PRESTASI PEGAWAI PERKHIDMATAN PENDIDIKAN LALUAN KEPAKARAN PENDIDIKAN

PAKAR BIDANG KHUSUS PENDIDIKAN			
DOMAIN	PENYATAAN DOMAIN	ELEMEN	PETUNJUK PRESTASI
D1 PENGETAHUAN PROFESIONAL	Pakar Bidang Khusus Pendidikan berpengetahuan luas dalam bidang pengkhususan	1.1 Pengetahuan dalam bidang pengkhususan	1.1.1 Mengaplikasi pengetahuan bidang pengkhususan secara tepat dan berkesan
			1.1.2 Mencetus dan mengolah idea dalam bidang pengkhususan secara bercapah dan realistik
			1.1.3 Mendiagnosis isu dan melaksanakan intervensi dalam bidang pengkhususan

PAKAR BIDANG KHUSUS PENDIDIKAN

DOMAIN	PENYATAAN DOMAIN	ELEMEN	PETUNJUK PRESTASI
		1.2 Pembangunan profesionalisme sendiri	<p>1.2.1 Meningkatkan profesionalisme sendiri dalam bidang pengkhususan secara berterusan</p> <p>1.2.2 Melibatkan diri/memberi sumbangan dalam program/ aktiviti pembangunan profesionalisme bidang pengkhususan</p>

PAKAR BIDANG KHUSUS PENDIDIKAN

DOMAIN	PENYATAAN DOMAIN	ELEMEN	PETUNJUK PRESTASI
D2 KEMAHIRAN PROFESIONAL	Pakar Bidang Khusus Pendidikan membangunkan dokumen/program dalam bidang pengkhususan serta meneraju/ melaksanakan kajian/ penyelidikan dan penulisan ilmiah untuk peningkatan bidang pengkhususan	2.1 Perancangan dan pembangunan dokumen/program pendidikan	2.1.1 Merancang pembangunan dokumen/program pendidikan yang bersesuaian dengan bidang pengkhususan secara sistematik
			2.1.2 Merancang dan membangunkan standard yang berkualiti bagi dokumen/program pendidikan
			2.1.3 Menghasilkan dokumen/program pendidikan mengikut standard yang ditetapkan

PAKAR BIDANG KHUSUS PENDIDIKAN

DOMAIN	PENYATAAN DOMAIN	ELEMEN	PETUNJUK PRESTASI
		2.2 Penilaian dan penambahbaikan kualiti dokumen/program pendidikan	2.2.1 Melaksanakan penilaian dokumen/program pendidikan berasaskan standard secara berfokus dan mendalam 2.2.2 Melaksanakan penambahbaikan dokumen/program pendidikan secara berterusan berdasarkan hasil penilaian yang berfokus dan mendalam

PAKAR BIDANG KHUSUS PENDIDIKAN

DOMAIN	PENYATAAN DOMAIN	ELEMEN	PETUNJUK PRESTASI
		2.3 Perancangan dan pelaksanaan kajian/penyelidikan	<p>2.3.1 Menganalisis isu dalam bidang pengkhususan secara komprehensif</p> <p>2.3.2 Membimbing/ melaksanakan kajian/penyelidikan secara sistematik berkaitan bidang pengkhususan berdasarkan isu yang dikenal pasti</p> <p>2.3.3 Menggunakan dapatan kajian bagi menambah baik bidang pengkhususan secara berterusan</p>

PAKAR BIDANG KHUSUS PENDIDIKAN			
DOMAIN	PENYATAAN DOMAIN	ELEMEN	PETUNJUK PRESTASI
D3 NILAI PROFESIONAL	Pakar Bidang Khusus Pendidikan menyerlahkan nilai profesional dalam bidang pengkhususan	3.1 Etika kerja dan nilai profesionalisme	3.1.1 Mengutamakan etika kerja dan nilai profesionalisme sebagai asas sesuatu tindakan dalam pengurusan sendiri dan profesionalisme
			3.1.2 Membudayakan amalan etika kerja dan nilai profesionalisme

PAKAR BIDANG KHUSUS PENDIDIKAN

DOMAIN	PENYATAAN DOMAIN	ELEMEN	PETUNJUK PRESTASI
D4 KREATIVITI DAN INOVASI	Pakar Bidang Khusus Pendidikan memacu kreativiti/inovasi ke arah peningkatan bidang pengkhususan	4.1 Kreativiti/inovasi dalam bidang pengkhususan	4.1.1 Mencetus idea baharu untuk menggalakkan kreativiti/inovasi dalam bidang pengkhususan
			4.1.2 Menghasilkan kreativiti/inovasi untuk meningkatkan kecemerlangan dalam bidang pengkhususan
			4.1.3 Mengaplikasikan kreativiti/inovasi untuk meningkatkan keberkesanan dalam bidang pengkhususan

PAKAR BIDANG KHUSUS PENDIDIKAN

DOMAIN	PENYATAAN DOMAIN	ELEMEN	PETUNJUK PRESTASI
		4.2 Perkongsian kreativiti/ inovasi dalam bidang pengkhususan	4.2.1 Berkongsi kreativiti/inovasi berkaitan bidang pengkhususan dalam apa-apa bentuk wahana/media

PAKAR BIDANG KHUSUS PENDIDIKAN			
DOMAIN	PENYATAAN DOMAIN	ELEMEN	PETUNJUK PRESTASI
D5 PERMUAFAKATAN STRATEGIK	Pakar Bidang Khusus Pendidikan melaksanakan permuafakatan strategik secara berterusan untuk meningkatkan kualiti bidang pengkhususan	5.1 Permuafakatan strategik	5.1.1 Mewujudkan permuafakatan strategik untuk berkongsi idea, pengalaman dan amalan terbaik secara berkesan bagi meningkatkan kualiti bidang pengkhususan
			5.1.2 Melestarikan permuafakatan strategik untuk meningkatkan kualiti bidang pengkhususan

PAKAR BIDANG KHUSUS PENDIDIKAN

DOMAIN	PENYATAAN DOMAIN	ELEMEN	PETUNJUK PRESTASI
D6 KOMUNIKASI	Pakar Bidang Khusus Pendidikan berkomunikasi secara berkesan untuk meningkatkan penyampaian maklumat yang bermakna ke arah peningkatan kualiti bidang pengkhususan	6.1 Komunikasi berkesan	6.1.1 Membina hubungan baik dan harmoni (rapport) dengan klien/ pemegang taruh/individu lain yang berkepentingan
			6.1.2 Mengamalkan komunikasi pelbagai hala yang berkesan dalam perkongsian idea dan maklumat dengan klien/ pemegang taruh/individu lain yang berkepentingan

PAKAR BIDANG KHUSUS PENDIDIKAN

DOMAIN	PENYATAAN DOMAIN	ELEMEN	PETUNJUK PRESTASI
			6.1.3 Mendengar dan menerima secara terbuka/empati terhadap cadangan/ pandangan daripada klien/ pemegang taruh/individu lain yang berkepentingan

PAKAR BIDANG KHUSUS PENDIDIKAN

DOMAIN	PENYATAAN DOMAIN	ELEMEN	PETUNJUK PRESTASI
D7 PAKAR RUJUK DALAM BIDANG PENGKHUSUSAN	Pakar Bidang Khusus Pendidikan memberi khidmat kepakaran, konsultasi dan <i>coaching and mentoring</i> secara berkesan dalam bidang pengkhususan	7.1 Khidmat kepakaran dan konsultasi	7.1.1 Memberi khidmat kepakaran dan konsultasi secara profesional, aktif dan berkesan dalam bidang pengkhususan
			7.1.2 Mencetus, mengolah dan mengesyorkan idea dalam bidang pengkhususan secara bercapah dan realistik

PAKAR BIDANG KHUSUS PENDIDIKAN

DOMAIN	PENYATAAN DOMAIN	ELEMEN	PETUNJUK PRESTASI
		7.2 <i>Coaching and mentoring</i>	<p>7.2.1 Melaksanakan <i>coaching and mentoring</i> secara berkesan dan berterusan</p> <hr/> <p>7.2.2 Membimbing klien untuk mengaplikasikan strategi yang bersesuaian untuk penambahbaikan atau meningkatkan prestasi klien</p>

PAKAR BIDANG KHUSUS PENDIDIKAN

DOMAIN	PENYATAAN DOMAIN	ELEMEN	PETUNJUK PRESTASI
D8 KAJIAN/ PENYELIDIKAN/ PENULISAN ILMIAH	Pakar Bidang Khusus Pendidikan menghasilkan dan menilai kajian/penyelidikan/penulisan ilmiah secara berkualiti	8.1 Penghasilan kajian/penyelidikan/penulisan ilmiah	8.1.1 Menerajui/Menghasilkan kajian/penyelidikan/penulisan ilmiah yang berkualiti dan signifikan dalam bidang pengkhususan
		8.2 Penilaian kajian/penyelidikan/penulisan ilmiah lain	8.2.1 Menilai dan mengesahkan kandungan kajian/penyelidikan/penulisan ilmiah lain berkaitan bidang pengkhususan secara tepat dan sesuai dengan objektif kajian/penyelidikan/penulisan ilmiah

PAKAR BIDANG KHUSUS PENDIDIKAN

DOMAIN	PENYATAAN DOMAIN	ELEMEN	PETUNJUK PRESTASI
		8.3 Perkongsian kajian/ penyelidikan/ penulisan ilmiah	8.3.1 Berkongsi dan menyebarkan kajian/penyelidikan/penulisan ilmiah berkaitan bidang pengkhususan

RUJUKAN

- Barge, John D. (2011). *Leader keys: A leadership evaluation system*. Atlanta: Georgia Department of Education.
- Barge, John D. (2012). *TKES performance standards and rubrics*. Atlanta: Georgia Department of Education.
- Barts and The London School of Medicine and Dentistry. (2009). *Academic performance standards*. London: Barts and The London School of Medicine and Dentistry.
- Binggeli, Brian T. (2010). *Brevard Public Schools instructional leadership performance appraisal system handbook for principals, assistant principals, and dean/assistant principals only*. Viera: School Board of Brevard County.
- Colorado Department of Education. (2000). *Performance-based standards for Colorado teachers*. Denver: Colorado Department of Education.
- Commission on Teacher Credentialing. (2013). *California teaching performance expectations, Revisions adopted, March 2013*. Sacramento: Commission on Teacher Credentialing.

- Commission on Teacher Credentialing. (2014). *California professional standards for education leaders*. Sacramento: Commission on Teacher Credentialing.
- Connecticut State Department of Education. (2012). *Connecticut school leadership standards*. Hartford: Connecticut State Department of Education.
- Council of Chief State School Officers. (2008). *Educational leadership policy standards: ISLLC 2008*. Washington: Council of Chief State School Officers.
- Council of Chief State School Officers. (2008). *Performance expectations and indicators for education leaders*. Washington: Council of Chief State School Officers.
- Council of Chief State School Officers. (2011). *Interstate new teacher assessment consortium core standards*. Washington: Council of Chief State School Officers.
- Daley, G. & Kim, L. (2010). *A teacher evaluation system that works*. Santa Monica: National Institute for Excellence in Teaching.
- David Douglas School District. (2015). *Instructional leadership for student achievement*. Portland: David Douglas School District.

Denver Public Schools. (2007). *Denver Public Schools standards, criteria, rubrics, indicators for facilitator/instructional coach*. Denver: Denver Public Schools.

Fairfax County Public Schools. (2015). *Fairfax County Public Schools teacher performance evaluation program handbook, revised August 2015*. Falls Church: Fairfax County Public Schools.

Florida Department of Education. (2005). *Florida principal leadership standards and key indicators*. Tallahassee: Florida Department of Education.

Florida Department of Education. (2010). *Florida teacher standards for ESOL*. Tallahassee: Florida Department of Education.

Georgia Department of Education. (2014). *Leader keys effectiveness system implementation handbook*. Atlanta: Georgia Department of Education.

Georgia Department of Education. (2014). *TAPS standards reference sheet performance standards and sample performance indicators*. Atlanta: Georgia Department of Education.

Hawaii Teacher Standards Board. (2011). *Hawaii's teacher performance standards*. Honolulu: Hawaii Teacher Standards Board.

Illinois State Board of Education. (2007). *Illinois performance standards for school leaders*. Chicago: Illinois State Board of Education.

Kementerian Pendidikan Malaysia. (2006). *Standard kompetensi kepengetuaan sekolah Malaysia*. Putrajaya: Kementerian Pendidikan Malaysia.

Kementerian Pendidikan Malaysia. (2008). *Instrumen kompetensi pemimpin sekolah (KOMPAS)*. Putrajaya: Kementerian Pendidikan Malaysia.

Kementerian Pendidikan Malaysia. (2009). *Standard Guru Malaysia*. Putrajaya: Kementerian Pendidikan Malaysia.

Kementerian Pendidikan Malaysia. (2010). *Standard Kualiti Pendidikan Malaysia*. Putrajaya: Kementerian Pendidikan Malaysia.

Kementerian Pendidikan Malaysia. (2012). *Laporan Makmal Kualiti Guru (NKRA)*. Putrajaya: Kementerian Pendidikan Malaysia.

Kementerian Pendidikan Malaysia. (2013). *Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025*. Putrajaya: Kementerian Pendidikan Malaysia.

Kementerian Pendidikan Malaysia. (2014). *Penilaian Bersepadu Pegawai Perkhidmatan Pendidikan*. Putrajaya: Kementerian Pendidikan Malaysia.

Lembaga Penyelidikan Undang-Undang. (1996). *Akta pendidikan 1996 (Akta 550) & education act 1996 (Act 550) (Hingga 10hb September 1996)*. Kuala Lumpur: International Law Book Services.

Maryland State Board of Education. (2005). *Maryland instructional leadership framework*. Baltimore: Maryland State Board of Education.

Massachusetts Department of Elementary and Secondary Education. (2015). *Massachusetts model system for educator evaluation*. Malden: Massachusetts Department of Elementary and Secondary Education.

Minnesota Department of Education. (2014). *Performance standards for teacher practice*. Roseville: Minnesota Department of Education.

Montgomery County Public Schools. (2010). *Montgomery County Public Schools teacher performance standards*. Rockville, Maryland: Montgomery County Public Schools.

Montgomery County Public Schools. (2012). *Teacher-level professional growth system handbook, working draft 2012-2013*. Rockville, Maryland: Montgomery County Public Schools.

Murphy, Patrick K. (2013). *Arlington Public Schools administrator P-scale evaluation handbook*. Arlington: Arlington Public Schools.

Murphy, Patrick K. (2014). *Arlington Public Schools teacher evaluation handbook*. Arlington: Arlington Public Schools.

National Institute for Excellence in Teaching . (2010). *Career teacher handbook: TAP instructional rubrics*. Santa Monica: National Institute for Excellence in Teaching.

National Network of State Teachers of the Year. *Teacher leader model standards*. Arlington: National Network of State Teachers of the Year.

National Policy Board for Educational Administration (2015). *Professional standards for educational leaders 2015*. Reston, VA: Author.

Ohio Department of Education. (2007). *Standards for Ohio educators*. Columbus: Ohio Department of Education.

Oregon Department of Education. (2012). *Oregon educational leadership/administrator standards*. Salem: Oregon Department of Education.

Oregon Department of Education. (2012). *Oregon standards for administrator licensure*. Salem: Oregon Department of Education.

Rhode Island Department of Education. (2008). *Standards for educational leadership in Rhode Island*. Providence: Rhode Island Department of Education.

South Carolina Department of Education. (2006). *ADEPT performance standards for classroom-based teachers*. Columbia: South Carolina Department of Education.

Stronge, James H. & Leeper, Lauri M. (2012). *Research synthesis of Virginia principal evaluation competencies and standards*. Richmond: Virginia Department of Education.

Stronge, James H. & Xu, Xianxuan. (2012). *Superintendent evaluation system: Research synthesis of Virginia superintendent evaluation competencies and standards*. Richmond: Virginia Department of Education.

Teacher Leadership Exploratory Consortium. (2010). *Teacher leader model standards*. USA: Teacher Leadership Exploratory Consortium.

The Australian Institute for Teaching and School Leadership. (2011). *Australian professional standards for teachers*. Carlton South: Ministerial Council for Education, Early Childhood Development and Youth Affairs.

Texas Classroom Teachers Association. (2014). *Teacher performance standards*. Austin: Texas Classroom Teachers Association.

UK Department for Education. (2011). *Teachers' standards: Guidance for school leaders, school staff and governing bodies*. Manchester: UK Department for Education.

UK Department for Education. (2015). *National standards of excellence for headteachers*. Manchester: UK Department for Education.

Utah State Office of Education. (2013). *Utah educational leadership standards, revised 2013*. Salt Lake City: Utah State Office of Education.

Vermont Department of Education. (2012). *Vermont guidelines for teacher and leader effectiveness*. Montpelier: Vermont Department of Education.

Virginia Department of Education. (2012). *Guidelines for uniform performance standards and evaluation criteria for teachers*. Richmond: Virginia Department of Education.

Virginia Department of Education. (2015). *Guidelines for uniform performance standards and evaluation criteria for principals*. Richmond: Virginia Department of Education.

Virginia Department of Education. (2015). *Guidelines for uniform performance standards and evaluation criteria for superintendents*. Richmond: Virginia Department of Education.

Virginia Department of Education. (2011). *The research base for the uniform performance standards for teachers*. Richmond: Virginia Department of Education.

Virginia Department of Education. (2012). *Virginia standards for the professional practice of teachers*. Richmond: Virginia Department of Education.

Virginia Department of Education. (2012). *Advancing Virginia's leadership agenda guidance document: standards and indicators for school leaders and documentation for the principal of distinction (Level II) administration and supervision endorsement*. Richmond: Virginia Department of Education.

Winchester Public Schools. (2012). *Teacher performance evaluation system*. Winchester: Winchester Public Schools.

Winchester Public Schools. (2015). *Educational specialist performance evaluation system*. Winchester: Winchester Public Schools.

PENGHARGAAN

YAB Menteri Pendidikan
YB Timbalan Menteri Pendidikan
Ketua Setiausaha Kementerian Pendidikan Malaysia
Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia
Timbalan-timbalan Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia
Rektor Institut Pendidikan Guru Malaysia
Pengarah-pengarah Bahagian Kementerian Pendidikan Malaysia
Setiausaha-setiausaha Bahagian Kementerian Pendidikan Malaysia
Unit Pelaksanaan dan Prestasi Pendidikan (PADU), Kementerian Pendidikan Malaysia

YBhg. Datuk Dr Amin bin Senin
Timbalan Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia, Pembangunan Profesionalisme Keguruan

Rosnarizah binti Abdul Halim
Noor Zaila binti Wahab, Ph.D.
Hasmidatul Suria binti Azmi
Rossheta binti Abdul Rahman
Shahrir bin Samsuri
Sharani bin Mohd Said
Bahagian Pendidikan Guru

Azwan bin Abd Aziz, Ph.D.
YBhg. Datin Sitti Haishah binti Abd Rahman
PADU

Khalid bin Ahmad Dahlan
Hanizah binti Hamzah, Ph.D.
Soo Wee Leng
Lembaga Peperiksaan

Rusminah binti Musliman
Institut Pendidikan Guru Malaysia

Saiful Effendi bin Mohd Zahari
Mohd Pilus bin Abdullah
Bahagian Pengurusan Sekolah Harian

Wee Akina Sia Seng Lee
Bahagian Sukan

Kamariah binti Samsuddin
Chithra a/p K. M. Krishnan Adiyodi, Ph.D.
English Language Teaching Centre

YM Raja Hamizah binti Raja Harun
Siti Sarah binti Baharom
Bahagian Pembangunan dan Penilaian Kompetensi

Wan Nurhazwani binti Wan Ghazali
Bahagian Pengurusan Sumber Manusia

Norainin binti Ghazali
YM Raja Zaida binti Raja Ahmad
IPG Kampus Pendidikan Islam

Ahmad Tajuddin bin Gezai
Kolej Matrikulasi Pulau Pinang

Othman bin Basiran
Kolej Matrikulasi Kedah

Entheran a/l Subramaniam
Prakash a/l Subramaniam
Sekolah Sukan Malaysia Bukit Jalil

Semua pihak yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam pembangunan Standard Prestasi Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Kementerian Pendidikan Malaysia

Bahagian Pendidikan Guru
Kementerian Pendidikan Malaysia
Aras 2-6, Blok E13, Kompleks E
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62604 Putrajaya, Malaysia
Tel: 03-8884 1076
Faks: 03-8884 1081
www.moe.gov.my